

21 MAY 2003

PAKEJ-PEMBUATAN

KERAJAAN PERUNTUK RM500 JUTA MODAL PERMULAAN TUBUH DANA PELABURAN
TEKNOLOGI BARU

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Pakej ekonomi strategi baru yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memperuntukkan modal permulaan sebanyak RM500 juta untuk menubuhkan Dana Pelaburan Teknologi baru bagi membantu sektor pembuatan yang merupakan penyumbang kedua terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Dana itu akan dikendalikan oleh sebuah perbadanan kerajaan bagi membeli ekuiti dalam syarikat asing atau melabur dalam syarikat tempatan yang baru memulakan operasi di sektor pertumbuhan baru.

Kerajaan juga akan menyediakan geran padanan (matching grant) bagi menampung kos latihan projek yang telah dikenalpasti dalam dan luar negara, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pengkomersialan hasil penyelidikan.

Melalui pakej tersebut, kerajaan akan menubuhkan Tabung Pembangunan dan Mempromosikan Jenama Malaysia bagi syarikat tempatan dengan dana permulaan sebanyak RM100 juta yang meliputi kos pembangunan jenama, pendaftaran tanda niaga, paten dan belanja promosi.

Dana tersebut diberi dalam bentuk geran sehingga maksimum RM10 juta setahun bagi setiap syarikat. Siling 10 peratus boleh digunakan untuk aktiviti promosi dalaman.

Pakej itu menyediakan RM100 juta kepada Malaysian Venture Capital (MAVCAP) untuk menerajui "pelaburan yang berpotensi", memupuk pembangunan usahawan serta menjana peluang baru teknologi maklumat dan komunikasi bagi membangunkan "modal teroka yang berpotensi".

Melalui pakej itu, kerajaan juga akan mengadakan penempatan semula semua rangkaian MATRADE di lokasi strategik di luar negeri seperti menubuhkan pejabat baru di Manila, Bangkok, New Delhi, Budapest dan Buenos Aires.

Kerajaan juga akan menempatkan semula pejabat-pejabat di Kuwait, Tunisia dan Caracas ke Bahrain, Kaherah dan Miami.

Bagi sektor pertanian pula, Tabung untuk Makanan akan ditambah sebanyak RM1 bilion.

Kerajaan juga akan menubuhkan Tabung Ladang Hutan Getah dengan modal permulaan sebanyak RM200 juta yang disediakan dalam bentuk pinjaman mudah bagi menggalakkan industri perabot berasaskan getah.

Sementara itu kerajaan memperuntukkan sebanyak RM300 juta bagi meningkatkan taraf infrastruktur dan "sistem penghantaran" di sektor luar bandar bertujuan menggiatkan aktiviti ekonomi luar bandar.

Bagi memodenkan industri perikanan, kerajaan akan membina 1,000 bot yang diperbuat daripada logam atau bahan komposit bagi menggantikan bot kayu dan urusan penyewaan akan dikendalikan oleh Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT).

Kerajaan juga telah mengenalpasti satu juta hektar tanah bagi meneruskan skim yang menggalakkan pengusaha kecil getah dan kelapa sawit untuk mempelbagaikan aktiviti pertanian mereka. -- BERNAMA

MUN ZK